



**BORANG PERMOHONAN TAPAK MESIN LAYAN DIRI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

Lokasi :
Bilangan :
Jenis Mesin :

KAMPUS PARIT RAJA	_____ unit	KAMPUS PAGOH	_____ unit
-------------------	------------	--------------	------------

(Sila tandakan ✓ dalam kotak yang berkaitan)

BUTIR-BUTIR SYARIKAT PEMOHON

Nama Syarikat : _____

Alamat Pos : _____

Poskod : _____

Negeri : _____ No. Telefon Pejabat : _____

No. Pendaftaran Syarikat : _____ Tahun Pengalaman : _____

Nama Pemohon : _____ Jawatan : _____

No. Kad Pengenalan : _____ Alamat E-mel : _____

No. Telefon (H/P) : _____

SYARAT AM:

- i) Warganegara Malaysia berumur 21 tahun dan ke atas.
- ii) Memiliki pengalaman 3 tahun ke atas dalam bidang perniagaan dipilih.
- iii) Permohonan hendaklah melalui borang yang boleh diperolehi di Pusat Pembangunan Perniagaan (BizDeC) UTHM.
- iv) Yuran proses sebanyak RM10.00 hendaklah dibayar kepada akaun seperti berikut :

Nama Akaun : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Nama Bank : Bank Muamalat Malaysia Berhad

No. Akaun : 01070000001716

Nota : Yuran Proses Tapak Mesin Layan Diri

- v) Permohonan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan UTHM.
- vi) Permohonan yang tidak mendapat jawapan dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

PERAKUAN PEMOHON:

Saya mengaku bahawa segala butir-butir tersebut adalah benar dan saya sedia mematuhi segala peraturan yang disyaratkan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia . Bersama-sama ini saya sertakan:-

- i) 1 salinan kad pengenalan pemohon (depan/belakang)
- ii) 1 salinan sijil pendaftaran syarikat yang sah (SSM)
- iii) Resit pembayaran wang proses sebanyak RM10.00
- iv) Lampiran cadangan produk

Tandatangan Pemohon

Nama:

Cop Syarikat:

Tarikh:



CADANGAN PRODUK MESIN LAYAN DIRI

(sila gunakan satu lampiran bagi setiap jenis mesin layan diri)

Jenis Mesin Layan Diri:
 AIR TIN & BOTOL / SNEK / MAKANAN READY-TO-EAT / MINUMAN BANCUH / COMBO
 LAIN-LAIN (sila nyatakan) :

Anggaran kapasiti elektrik diperlukan per bulan bagi setiap satu mesin :

KwH

BIL.	PRODUK	HARGA SEUNIT (RM)

' Nota:

- 1) Sila gunakan satu salinan untuk satu jenis mesin layan diri. Lampiran ini dibenarkan untuk dibuat salinan tambahan sekiranya perlu.
- 2) Pembida digalakkan untuk melampirkan perincian grafik mesin layan diri untuk rujukan.

ARAHAN KEPADA PEMILIK PERNIAGAAN MESIN LAYAN DIRI YANG BERJAYA

SYARAT-SYARAT KONTRAK

1.0 BAYARAN DAN SEWA

- 1.1 Pemilik mesin layan diri dikehendaki membayar kadar sewaan tapak bulanan seperti yang tertera di dalam kontrak sewaan dengan menggunakan perkhidmatan atas talian atau cek bayaran ‘Pre post dated’ di atas nama **Naib Canselor, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**.
- 1.2 Pemilik mesin dikehendaki membayar wang deposit cagaran **tiga (3) bulan** bergantung kepada kadar sewaan bulanan seperti yang tertera di dalam kontrak sewaan.
- 1.3 Kegagalan pemilik untuk membayar sewaan tapak melebihi tiga (3) bulan akan mengakibatkan tindakan undang-undang diambil oleh pihak Universiti.
- 1.4 Pemilik mesin layan diri **tidak dibenarkan** membawa keluar peralatan dan harta milik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 1.5 Pemilik adalah **dilarang ‘sub-kontrak’** ruang dan perkhidmatan kepada mana-mana orang/syarikat kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pegawai Penguasa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 LOKASI

- 2.1 Bilangan dan lokasi penempatan mesin layan diri bagi pemilik yang berjaya akan ditentukan oleh pihak Universiti dan diperincikan selepas dipersetujui oleh Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan UTHM. Pemilik mesin layan diri hendaklah menempatkan bilangan dan lokasi mesin layan diri mengikut kelulusan yang diberikan.

3.0 KELENGKAPAN

- 3.1 Pemilik hendaklah mendapatkan pandangan pihak Universiti sebelum membuat apa-apa penyambungan wayar elektrik, paip air atau sebagainya di lokasi tapak mesin layan diri.
- 3.2 Sekiranya didapati terdapat kesalahan dalam penyambungan yang telah dibuat, pihak Universiti berhak untuk mengarahkan pemasangan semula mengikut spesifikasi Universiti.
- 3.3 Semua kos kerja penyenggaraan berkaitan penyambungan wayar elektrik atau paip air oleh pemilik adalah di bawah tanggungjawab pemilik mesin layan diri tersebut.

4.0 KEBERSIHAN

- 4.1 Semua urusan kebersihan mesin dan kawasan tapak mesin layan diri adalah menjadi tanggungjawab pemilik.
- 4.2 Keseluruhan ruang hendaklah sentiasa berkeadaan bersih, teratur dan bebas daripada semua jenis serangga dan haiwan.
- 4.3 Ruang tapak mesin pada setiap masa mestilah bebas daripada longgokkan sampah dan sisa makanan.
- 4.4 Pemeriksaan ke atas kebersihan kawasan, ruang dan peralatan akan disemak oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

5.0 LARANGAN

- 5.1 Pemilik mesin layan diri **dilarang** mengubahsuai ruang melainkan setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Pihak Berkuasa Universiti. Pihak Universiti berhak menolak daripada wang deposit sewaan sekiranya didapati terdapat kos baik pulih yang perlu ditanggung Universiti.
- 5.2 Pemilik mesin layan diri **dilarang** daripada mempamer atau menjual barang-barang larangan di dalam kawasan Universiti seperti rokok, minuman keras dan sebagainya.

6.0 AM

- 6.1 Pihak Berkuasa Universiti berhak melantik sebuah Jawatankuasa bagi tujuan pengawasan, menyelia dan menentukan bahawa syarat tawaran penempatan mesin layan diri dan perlaksanaannya adalah mengikut syarat perjanjian yang telah ditandatangani. Jawatankuasa juga berkuasa menjalankan tanggungjawab mengikut bidang kuasa yang diberikan oleh UTHM dan berkuasa menggantung perkhidmatan sekiranya perlu.
- 6.2 Pemilik mesin layan diri perlu mendapatkan kebenaran Universiti sebelum membawa keluar mesin layan diri yang telah dipasang. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan **caj sewaan tapak yang tetap setiap bulan dikenakan mengikut kontrak asal**.

SYARAT-SYARAT TAWARAN PERMOHONAN SEWAAN

1. Tidak Boleh Pindah Dokumen Naskhah Permohonan Sewaan

Dokumen Naskhah Permohonan Sewaan yang telah dikeluarkan kepada mana-mana pemilik mesin layan diri hanya boleh digunakan oleh pemilik berkenaan sahaja dan tidak digunakan oleh mana-mana pemilik mesin layan diri lain. Tawaran daripada pemilik mesin layan diri yang menggunakan Dokumen Naskhah Permohonan Sewaan yang bukan dikeluarkan kepadanya adalah terbatas dan tidak akan dipertimbangkan.

2. Mematuhi Semua Aspek Skop Tawaran Naskhah Permohonan Sewaan

Pemilik mesin layan diri yang menyertai naskhah permohonan sewaan ini adalah dianggap telah mematuhi semua aspek berkaitan tanggungjawab, hak dan had-had tawaran permohonan sewaan skop kontrak ini. Sebarang tuntutan atau keengganan pemilik yang berjaya berpunca daripada kegagalan mematuhi semua skop tawaran naskhah permohonan sewaan dan kontrak ini tidak akan dipertimbangkan.

3. Melengkapkan Dokumen Naskhah Permohonan Sewaan

Pemilik mesin layan diri hendaklah memasukkan maklumat-maklumat yang diminta di dalam ruang-ruang yang telah disediakan. Maklumat yang lengkap membolehkan tawaran dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya.

4. Maklumat-Maklumat Lain

Borang-borang hendaklah diisikan dengan maklumat yang benar dan terkini. Pihak Universiti berhak memastikan maklumat yang dikemukakan dengan adalah tepat dengan operasi syarikat pemilik.

5. Salinan Dokumen/Sijil Pendaftaran

Pemilik mesin layan diri hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen atau sijil-sijil pendaftarannya bersama-sama Dokumen Naskhah Permohonan Sewaan untuk membolehkan penilaian tawaran dibuat dengan sebaik-baiknya.

6. Penyerahan Dokumen Naskhah Permohonan Sewaan Selain Dengan Tangan

Penyerahan Dokumen Naskhah Permohonan Sewaan mestilah dilakukan sendiri oleh pemohon dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga, Pusat Pembangunan Perniagaan**. Mana-mana pegawai Universiti, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, **tidak boleh** dipertangungjawabkan jika dokumen Naskhah Permohonan Sewaan tidak dimasukkan sebelum pada atau tarikh dan masa tarikh tutup iklan Permohonan Sewaan ini.

7. Harga Dalam Matawang Ringgit Malaysia

Semua harga dan kadar harga yang tersebut di dalam Dokumen Naskhah Permohonan Sewaan dan maklumat-maklumat lain yang dikemukakan adalah dalam matawang Ringgit Malaysia.

8. Tempoh Sahlaku Naskhah Permohonan Sewaan.

Semua tawaran tersebut daripada pemilik mesin layan diri adalah sahlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada tarikh tutup iklan naskhah permohonan sewaan.

9. Penarikan Daripada Tawaran Sebutharga

Pemilik mesin layan diri yang menarik diri daripada tawaran naskhah permohonan sewaan ini dalam tempoh sahlaku naskhah permohonan sewaan, sama ada sebelum atau selepas berjaya dilantik akan tertakluk kepada tindakan-tindakan seperti berikut:

- a) Digantung pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama.
- b) Digantung pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan bagi selama selain lima (5) tahun bagi kesalahan kedua.
- c) Dibatalkan pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan bagi kesalahan ketiga.

10. Tempoh Kontrak

Tempoh kontrak bagi penempatan mesin layan diri ***yang berjaya dilantik seperti berikut:***

- a) Tempoh kontrak adalah selama dua (2) tahun atau tiga (3) tahun tertakluk keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Perniagaan (JKPP).

11. Notis Bermula Operasi Pengurusan

Pemilik mesin layan diri yang berjaya akan diberikan notis selama empat belas (14) hari untuk memulakan operasi pengurusan. Kegagalan pemilik mesin layan diri beroperasi menyebabkan tindakan-tindakan sama seperti Perkara 9 Syarat-syarat Tawaran Naskhah Permohonan Sewaan ini akan dikenakan.

12. Pemilik Mesin Layan Diri Berjaya Dikehendaki Memasuki Kontrak Dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat.

Pemilik mesin layan diri yang berjaya adalah dikehendaki memasuki kontrak dengan UTHM dan wajib mematuhi peruntukan yang ada di dalam naskhah permohonan sewaan ini.

13. Percanggahan Di Dalam Dokumen Naskhah Permohonan Sewaan.

Sebarang percanggahan di dalam Dokumen Naskhah Permohonan Sewaan hendaklah dirujuk kepada Pegawai Penguin Kontrak ini untuk diputuskan.

14. Hak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Memilih Mana-mana Tawaran Naskhah Permohonan Sewaan

Adalah menjadi hak mutlak UTHM untuk memilih mana-mana tawaran naskhah permohonan sewaan daripada mana-mana pemilik mesin layan diri atau menolak semuanya. UTHM tidak perlu memberi penjelasan mengenai keputusan yang dibuat.